

08 MAR 2000

Mahathir-Inisiatif

MALAYSIA SEDIA UNTUK LANGKAH KEDUA DALAM ERA MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Malaysia kini bersedia untuk langkah kedua memasuki Era Maklumat yang dikenali sebagai "Strategic Initiative One" bagi abad ke-21, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Jika Wawasan 2020 ialah langkah strategik pertama ke era maklumat, Malaysia kini bersedia untuk langkah kedua. Kami kini bersedia untuk peningkatan besar yang lebih padu, menyeluruh dan komited yang akan membentuk semula badan-badan korporat Malaysia dan mencipta semula masyarakat Malaysia," kata beliau semasa merasmikan Persidangan Pengetahuan Global Kedua (GK II), di sini hari ini.

GK II, yang menarik kira-kira 1,200 perwakilan dari seluruh dunia, akan membincangkan dan menerokai cara-cara untuk merapatkan jurang luas antara "maklumat yang sedia ada" dan "maklumat yang tidak ada" di dunia.

GK II, yang memberi tumpuan kepada isu-isu penting mengenai akses, pemberian kuasa dan pentadbiran, ialah sebuah anggota perkongsian pengetahuan global yang ditubuhkan selepas Persidangan Pengetahuan untuk Pembangunan dalam Era Maklumat pertama diadakan di Toronto pada 1997.

Dr Mahathir berkata "Strategic Initiative One" Malaysia tidak bermakna pengabaian terhadap tulang belakang perindustrian negara yang pada masa ini menyumbang lebih 37 peratus dalam pertumbuhan keluaran negara dan menyediakan 30 peratus bagi semua pekerjaan.

"Kami adalah antara negara yang paling berindustri di dunia dan kami tidak akan merobohkan tangga perindustrian, tidak kira berapa ramai yang cuba untuk menolak atau menarik kami.

"Kami juga adalah satu daripada negara yang paling terbuka di dunia. Kami hidup dan kami mati dalam perdagangan," kata beliau.

Menurutnya lebih 85 peratus daripada eksport Malaysia tahun lepas adalah barangan pembuatan.

Oleh itu, kata perdana menteri, struktur asas ekonomi Malaysia tidak akan dipinda dalam jangka pendek atau jangka pertengahan.

Dr Mahathir juga memperkatakan tentang peralihan Malaysia ke dalam ekonomi pengetahuan (k-economy) dengan kandungan pengetahuan dan sumbangan pengetahuan akan menyaksikan peningkatan di dalam semua bidang.

Dengan peralihan itu, katanya, ekonomi dan masyarakat Malaysia tidak lagi menjadi serupa seperti dahulu.

Dr Mahathir berkata untuk era maklumat dan K-ekonomi, negara perlu mempunyai sistem media kebangsaan yang bertaraf pertama dengan Internet dan inovasi IT lain perlu menjadi bahagian yang besar dan penting bagi sistem media itu.

"Negara ini perlu serius memperluaskan pengeluaran dan bekalan maklumat, pengetahuan dan kebijaksanaan serta memastikan kemudahdapatannya kepada semua pihak dalam semua bidang kerja.

"Kita perlu berusaha gigih pada bahagian permintaan, dan sentiasa pastikan bahawa kita memberi jaminan keutamaan kepada akses.

"Celik huruf pempungsian perlu diperluaskan kepada semua termasuk golongan tua. Kita perlu meletakkan sasaran untuk mendapatkan 100 peratus celik IT asas. Kita perlu membina sendiri kemahiran bahasa kita sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Arab, bahasa Melayu atau Mandrain, Tamil, Thai atau Tagalog," kata beliau.

Dr Mahathir berkata perubahan dalam sektor awam dan swasta juga diperlukan, dengan "sindrom sulit" yang kuno perlu diketepikan.

Dr Mahathir berkata sektor awam dan swasta perlu dikendalikan mengikut peraturan baru ketelusan bagi pendedahan, yang kini merupakan proses pentadbiran korporat dan sektor awam.

Menurut Perdana Menteri Malaysia beruntung kerana tidak mempunyai banyak masalah berhubung dengan pembaziran akal berbanding dengan kebanyakan negara membangun lain dan Malaysia perlu membawa pulang rakyatnya yang telah mencipta nama di tempat lain.

Beliau berkata sudah tiba masanya bagi Malaysia untuk menetapkan sasaran mengurangkan bilangan pekerja asing kepada 100,000 orang setiap tahun, mengurangkan pekerja tidak berkemahiran dan rendah pengetahuan kepada 95,000 orang setahun dan mencapai sasaran mempunyai warganegara biasa yang mempunyai bakat, kreativiti dan keupayaan lain yang luar biasa.

Dr Mahathir juga menyentuh tentang tiga pemisah besar iaitu antara ekonomi yang kaya dan miskin material, antara yang kaya maklumat dan pengetahuan dengan yang miskin maklumat dan pengetahuan, dan antara mereka yang berkuasakan maklumat dan pengetahuan dan mereka yang tidak bermaklumat dan berpengetahuan.

"Di banyak negara, ini adalah isu segera yang perlu ditangani, dan yang paling sukar dan paling kritikal kerana tiada masyarakat dapat bergerak ke hadapan dalam satu keutuhan sosial jika majoriti besar masyarakat ketinggalan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata hanya keajaiban yang dapat menghalang lebarnya jurang pengetahuan dan ekonomi antara yang kaya dan miskin pada masa akan datang.

Menurutnya walaupun banyak kemajuan telah dibawa oleh manusia, dan kemajuan dalam pembebasan dan kekuasaan manusia, tidak dapat dinafikan dalam sejarah bahawa dunia menyaksikan ramai orang yang hidup dalam kemiskinan teruk.

-- BERNAMA

RV/MNY NAK